

ISNIN
01 10
2018



BH DIDIK

bhdidik@bh.com.my

27 PERSONALITI:
Husna rajin membaca buku ilmiah

30 BAHASA MELAYU:
Latih tubi bahagian A



53 SAINS:
Sains hayat

PROGRAM SELEPAS UPSR



➔ Murid meraih pelbagai pengalaman menarik di luar sekolah

Oleh **Nas Norziela Nasbah**
nasnorziela@bh.com.my

Putrajaya

Program lawatan sambil belajar dalam kalangan murid sekolah terutama mereka yang bakal

meninggalkan sesi persekolahan rendah, mampu memberi pelbagai manfaat kepada murid terbabit.

Program yang disediakan bukan sahaja memberi hiburan, sebaliknya boleh menjadi konsep pembelajaran secara santai yang dipelbagaikan pengisiannya.

Lihat muka 26.

Layari www.FullAMark.com.my untuk melanggan dan mendapat lebih banyak soalan UPSR

Bahasa Inggeris – Pemahaman

GRAMMAR DRILL

Choose the **best** answer to complete the sentences.

- 1 Hashim poured the coffee _____ the cups.
A on
B in
C to
D into
- 2 Her grandmother died _____ in her sleep.
A greedily
B quietly
C peacefully
D rudely
- 3 The dancers danced _____ as the audience clapped their hands.
A quickly
B softly
C gracefully
D rudely
- 4 Mr Xavier always _____ the pupils to assemble along the corridor after recess.
A advises
B advice
C advices
D advise
- 5 He needs a _____ stick than this to hit the snake.
A long
B longer
C longest
D shortest
- 6 She did not study hard for the final year exam. Her result is _____ than the mid year.
A worse
B better
C the best
D the worst
- 7 There was _____ of sand to be mixed with cement at the construction site.
A several
B a little
C some
D a large amount
- 8 The police _____ some important information about the thefts happened in the city.
A had obtained
B have obtained
C obtains
D obtain
- 9 Only _____ students turned up at the game because they _____ informed about it.
A several, were not
B a few, are not
C a few, were not
D several, are not
- 10 I need _____ time to write a good novel.
A a little
B none
C any
D a few
- 11 There isn't _____ oil left in jar, so I can't fry the curry puffs.
A any
B much
C some
D a little
- 12 The boys have collected _____ empty bottles on the field after the Sports Day.
A a few
B a little
C many
D much
- 13 Give me _____ minutes, I need to talk to _____ of my friends out there.
A a few, a little
B a few, some
C much, much
D a few, many
- 14 There isn't _____ food for dinner. You need to buy _____ from the restaurant nearby.
A some, much
B any, some
C a little, a lot of
D any, several
- 15 _____ their cattle died in the flood during the monsoon season.
A Several
B A large number of
C Many
D Some
- 16 The boy fell down while _____ the bus.
A walking down
B getting off
C going out
D walking
- 17 Suraya's father was happy _____ her performance.
A on
B by
C with
D at
- 18 Hold the needle _____ your fingers and thumb.
A among
B above
C between
D in
- 19 You need to submit your assignment _____ 12 o'clock in the afternoon or else you will fail.
A by
B after
C within
D in
- 20 He becomes a chef because he is good _____ cooking.
A at
B in
C for
D to
- 21 He broke his arm when he _____ the roof.
A walked
B ran
C jumped off
D crawled
- 22 The workers _____ built this house _____ taken a long time to complete it.
A who, have
B which, has
C who, has
D whose, had
- 23 None of the students _____ completed their tasks within the given time.
A has
B have
C are
D were
- 24 My uncle and aunt _____ to my hometown this week.
A is coming
B comes
C are coming
D come
- 25 The girls _____ sandwiches and pastries for the party this evening.
A prepare
B is preparing
C are preparing
D prepares
- 26 The teacher _____ the pupils for the public speaking competition next week.
A trained
B is training
C trains
D are training
- 27 I _____ to bring along my physical education attire.
A had forgotten
B has forgotten
C have forgotten
D forget
- 28 Jane's mother asked her to go home by bus because she _____ to attend a meeting that afternoon.
A has
B have
C had
D is having
- 29 No one is _____ to read _____ the questions during the exam.
A allow, silently
B allowed, aloud
C allows, aloud
D allow, silently
- 30 Can you please come _____, so you can _____ me.
A here, hear
B hear, here
C here, heard
D here, hears
- 31 _____ did you buy those crayons when you have more than a dozen here?
A Which
B Who
C Why
D Whom
- 32 Someone _____ into my house when I was away.
A has broken
B had broken
C was broken
D were broken
- 33 The little boy crossed the busy road _____ because he was late to school.
A gracefully
B hurriedly
C carefully
D smartly
- 34 A _____ of robbers attacked the jewellery shop and stole the jewelleryes.
A troop
B gang
C group
D herd
- 35 There was a _____ of books on my teacher's table.
A bunch
B comb
C pile
D bale

Bahasa Melayu

LATIH TUBI BAHAGIAN A

Tiap-tiap soalan dalam Bahagian A diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C, dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja.

Soalan 1 hingga 16

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

- 1 "_____ hendaklah memulangkan buku-buku itu kepada _____ esok," kata Cikgu Kamal kepada Ariff dan Aliff.
A Saya ... awak
B Kamu ... saya
C Kalian ... kami
D Mereka ... saya
- 2 Baginda Sultan _____ di sebuah istana yang dibina di atas sebuah bukit.
A berada
B bertitah
C berangkat
D bersemayam

Soalan 3 berdasarkan gambar di bawah.



- 3 Paku itu tidak dapat digunakan lagi kerana sudah _____
A lekuk
B lengkung
C bengkok
D bongkok
- 4 Anggota polis itu terpaksa _____ beberapa das tembakan ke arah penjenayah-penjenayah itu.
A melakukan
B melepaskan
C menaburkan
D membebaskan
- 5 Kakak dapat menyiapkan tempahan kuih-muih itu dalam masa yang _____ kerana kakak dibantu oleh beberapa orang pekerja yang _____
A singkat ... mahir
B pendek ... pakar
C lapang ... lincah
D pantas ... bagus
- 6 Razlan _____ adiknya, Razman bersembang di atas tangga _____ menunggu ayah dan ibu mereka balik.
A dan ... sementara
B atau ... walaupun
C serta ... sehingga
D dan ... supaya
- 7 Para perajurit negara rela berkorban jiwa dan raga _____ mempertahankan kedaulatan negara _____ diceroboh pihak musuh.
A untuk ... dari
B dengan ... oleh
C supaya ... akan
D demi ... daripada

- 8 _____ orang pesakit sedang menunggu giliran untuk dirawat oleh doktor di dalam klinik itu.
A Semua
B Sekalian
C Segelintir
D Beberapa

- 9 Ayah _____ sebidang tikar di bawah sebatang pokok yang rendah.
A menghamparkan
B menghamburkan
C menghempaskan
D menghumbankan

- 10 Burung punai _____ riang di atas dahan pokok sambil melihat ke arah sungai.
A penyanyi
B bernyanyi
C menyanyi
D menyanyikan

- 11 Kerja-kerja _____ rumah yang rosak akibat banjir itu sedang giat dijalankan oleh beberapa orang sukarelawan.
A menambah baik
B membaiki pulih
C mengubah suai
D mereka bentuk

- 12 Kata-kata nasihat ibunya masih _____ di telinga Zainal walaupun kini dia berada jauh di luar negara.
A teringat-ingat
B tergiang-ngiang
C terkenang-kenang
D terbayang-bayang

- 13 _____ bomba dan penyelamat sedang berusaha untuk mengeluarkan mangsa kemalangan yang tersepit.
A Pasukan
B Angkatan
C Gerombolan
D Ketumbukan

Soalan 14 dan 15

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan bergaris dengan betul.

- 14 I Tolong sunyi ketika berada di dalam perpustakaan.
II Suasana bisik tiba-tiba menjadi sunyi apabila Cikgu Ali masuk.
III Kamarul sunyi di dalam biliknya agar tidak diganggu oleh adiknya.
IV Sebagai manusia biasa, kita tidak sunyi daripada melakukan kesilapan.
A I dan II
B II dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 15 I Kakak hanya diam membisu apabila dimarahi oleh ibu.
II Keluarga Pak Hasan telah lama diam di hujung kampung.
III Suasana diam pada waktu malam amat sesuai untuk mengulang kaji.
IV Sejak pagi tadi, Ramli diam sahaja dan wajahnya pula kelihatan muram.
A I dan II
B II dan III
C II dan IV
D I dan IV

16 Pilih ayat yang betul.

- I Firdaus telah memandikan kedua ekor kucingnya.

- II Sampah-sampah bertaburan itu telah disapu oleh Ali.
III Peti televisyen yang telah rosak itu telah dibaiki oleh abang.
IV Razlan amat rindu akan datuk dan neneknya yang jauh di desa.
A I dan II
B II dan III
C I dan IV
D III dan IV

Soalan 17 hingga 20

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Najwa sungguh gembira semasa turun dari tangga kapal terbang. Kini dia telah selamat pulang ke tanah air yang amat dirindunya.

"Najwa, apa khabar?" tanya ayahnya sambil menepuk-nepuk bahunya.

Ibunya, Puan Umi tidak dapat berkata apa-apa tetapi terus memeluk Najwa sambil menangis. Ibunya terlalu gembira. Najwa turut menitikkan air mata gembira. Najwa sungguh terharu dalam dakapan ibunya.

Sewaktu tiba di bandar Banting, Najwa perhatikan banyak perubahan yang berlaku. Tanah kosong yang dahulunya dipenuhi hutan belukar, kini sudah tertegak sebuah bangunan sepuluh tingkat. Jalan menuju ke kampung Najwa juga kini sudah jauh berubah. Kalau dahulu, jalannya sempit dan berlubang-lubang, kini tidak lagi. Sebuah pasar raya telah didirikan berhampiran sebuah perhentian bas yang serba lengkap dan moden.

"Oh, bandarku kini sudah pesat membangun!" bisik Najwa sambil menoleh ke kiri dan ke kanan.

Najwa tahu, keluarga sungguh gembira dengan kepulangannya. Hanya kepadanya mereka menaruh harapan untuk mengubah nasib keluarga pada masa akan datang. Najwa berjanji kepada dirinya sendiri, bahawa dia akan menaburkan bakti kepada keluarganya dan juga kepada negara. Kejayaannya menimba ilmu selama lima tahun di benua Eropah, kini akan ditaburkannya pula kepada tanah air tercinta.

- 17 Apakah yang dilihat oleh Najwa semasa tiba di bandar Banting?
A Ibunya menangis dan tidak berkata apa-apa
B Pembangunan pesat berlaku di kawasan bandar
C Kerja-kerja menaik taraf jalan raya sedang dilakukan
D Masih terdapat lubang-lubang di atas permukaan jalan
- 18 Mengapakah ibu Najwa menangis apabila bertemu dengan Najwa?
A Kerana Najwa pulang seorang diri
B Kerana ayah Najwa menepuk-nepuknya
C Kerana ibunya berasa gembira dan terharu
D Kerana Najwa telah menangis teresak-esak
- 19 Berikut ialah janji Najwa kepada dirinya, **kecuali**
A berbakti kepada keluarganya
B berbakti kepada tanah airnya
C mengubah masa depan keluarganya
D membangunkan bandar kelahirannya
- 20 Kata *moden* dalam petikan bermaksud
A mahal
B mewah
C istimewa
D terbaharu


PERKAITAN DAN ALGEBRA

1 Paksi mencancang pada satah Cartes ialah
A horizontal axis on the Cartesian plane is
A Paksi-x / x axis C Paksi-z / z axis
B Paksi-y / y axis D Paksi-o / o axis

2 3 unit ke kanan dan 5 unit ke atas dari titik asalan ditulis dalam koordinat ialah
3 units to the right of origin and 5 units up from the point of origin is written in coordinates as
A (3, 3) C (5, 3)
B (3, 5) D (5, 5)

3 Nyatakan koordinat titik Q yang berada 3 unit ke kanan dari titik R(2, 4).
State the coordinates of point Q which is 3 units upwards from point R (2, 4).
A (3, 5) C (5, 4)
B (4, 3) D (4, 5)


4 Rajah 1 menunjukkan suatu titik pada satah Cartes. Nilai x bagi titik tersebut ialah 4.
Diagram 1 shows a Cartesian plane and the coordinates x for a point is 4.



Rajah 1 / Diagram 1

Antara yang berikut, manakah koordinat titik itu?
Which of the following is the point?
A (1, 2) C (3, 6)
B (3, 4) D (4, 3)


5 Rajah 2 menunjukkan kedudukan empat buah bangunan pada satah Cartes.
Diagram 2 shows the position of four buildings on a Cartesian plane.



Rajah 2 / Diagram 2

Bangunan manakah yang berada pada koordinat (4, 3)?
Which building is at a point (4, 3)?
A S C Q
B R D P

6 Rajah 3 menunjukkan sebuah satah Cartes.
Diagram 3 shows a Cartesian plane.




Rajah 3 / Diagram 3

Sebuah sekolah berada di kedudukan 3 unit ke kanan dan 4 unit ke atas dari titik asalan. Nyatakan kedudukan sekolah itu.

A school is positioned 3 units to the right and 4 units upwards of the point. State the school's position.
A (4, 3) C (3, 4)
B (3, 5) D (3, 3)


7 Rajah 4 menunjukkan kedudukan titik P dan titik Q pada satah Cartes.
Diagram 4 shows the position of points P and Q on the Cartesian plane.



Rajah 4 / Diagram 4

Nyatakan koordinat titik lain yang membentuk sebuah segi tiga sama kaki jika semua titik itu disambungkan.
State the coordinates of the point that form an isosceles triangle when connected.
A (3, 2) C (5, 2)
B (4, 2) D (5, 2)


8 Rajah 5 ialah satah Cartes yang menunjukkan kedudukan beberapa buah rumah di sebuah kampung.
Diagram 5 shows the Cartesian plane showing the position of several houses in a village.



Rajah 5 / Diagram 5

Rumah Mimi berada di sebelah rumah Lina dan selajur dengan rumah Prakash dan Azri. Nyatakan koordinat rumah Mimi.
Mimi's house is next to Lina's house and is in the middle of Prakash and Azri's houses. State the coordinates of Mimi's house in the village.
A (4, 5) C (5, 6)
B (5, 4) D (2, 4)

9 Rajah 6 menunjukkan beberapa buah bentuk bentuk pada satah Cartes.
Diagram 6 shows several shapes on the Cartesian plane.




Rajah 6 / Diagram 6

Nyatakan koordinat bentuk .
State the coordinates of the form .
A (2, 3) C (5, 4)
B (3, 6) D (6, 1)

10 Rajah 7 menunjukkan kedudukan rumah di sebuah taman pada satah Cartes.


Diagram 7 shows the position of a house in a park on the Cartesian plane.



Rajah 7 / Diagram 7

Rumah Aidil berada sebaris dengan rumah Aiman dan selajur dengan rumah Raju. Nyatakan kedudukan rumah Aidil.
Aidil's house lines up with Aiman's house and is in a row with Raju's house. State the position of Aidil's house.
A (2, 6) C (6, 2)
B (3, 6) D (6, 3)

11 Rajah 8 menunjukkan kedudukan empat huruf yang ditulis pada petak segi empat sama.
Diagram 8 shows the positions of alphabets written on square plots.




Rajah 8 / Diagram 8

Antara yang berikut, manakah yang benar?
Which of the following is true?

Huruf / Alphabet	Kedudukan / Position
A	K A3
B	L B1
C	M C3
D	N D2


12 Rajah 9 terdiri daripada beberapa petak segi empat sama yang sama besar.
Diagram 9 consists of equal sized of squares.



Rajah 9 / Diagram 9

Nyatakan nisbah bilangan petak berlorek kepada jumlah bilangan semua petak segi empat sama itu.
State the ratio of shaded squares to all squares of the squares.
A 5:7 C 5:12
B 5:9 D 12:7

13 Rajah 10 menunjukkan beberapa bentuk segi empat.
Diagram 10 shows several rectangular shapes.



Rajah 10 / Diagram 10

Nyatakan nisbah bilangan segi empat yang berlorek kepada bilangan segi empat yang tidak berlorek.
State the ratio of the shaded rectangle to the non-shaded rectangle.
A 3:7 C 7:4
B 3:8 D 8:4

Sejarah

WARISAN ISLAM DI MALAYSIA, BAHASA MELAYU WARISAN KITA

ISLAM AGAMA PERSEKUTUAN


Perkara 3, Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa "Agama Islam ialah agama bagi Persekutuan; tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan". Perkara 11 mengenai Kebebasan Ugama pula menyatakan "Tiap-tiap orang adalah berhak menganuti dan mengamalkan ugamanya dan tertakluk kepada Fasal (4), mengembangkan ugamanya". Hal ini bermakna walaupun Malaysia telah mengisytiharkan Islam sebagai agama rasmi, penduduk Malaysia bebas untuk mengamalkan kepercayaan masing-masing. Kebebasan ini membentuk perpaduan yang kukuh antara kaum dan ini telah dibuktikan dengan keamanan yang dikecapi oleh rakyat Malaysia selama ini.

KEDATANGAN ISLAM

Kedatangan Islam ke Tanah Melayu dipercayai bermula pada abad ke-7 Masihi. Sebelum kedatangan Islam, telah wujud pengaruh agama Hindu dan Buddha dalam kalangan masyarakat setempat seperti di Lembah Bujang.

Apabila Kesultanan Melayu Melaka berkembang, pedagang Islam telah datang berdagang dan menyebarkan Islam kepada penduduk Melaka. Agama Islam telah dijadikan agama rasmi. Kedatangan Islam ke Tanah Melayu dibuktikan melalui arkeologi dan penulisan. Antara bukti tersebut ialah batu bersurat di Terengganu dan *Hukum Kanun Melaka*

BUKTI KEDATANGAN ISLAM KE TANAH MELAYU

	
<p>Batu Bersurat di Tersat, Kuala Berang, Terengganu bertarikh 1303 H</p>	<p><i>Hukum Kanun Melaka</i> merupakan teks pertama yang menggunakan Islam sebagai dasar perundangan</p>

KESENIAN ISLAM

Kesenian Islam merupakan hasil karya ciptaan manusia yang berteraskan kepada ciri-ciri Islam, yang dapat dilihat dalam pelbagai aspek seperti seni bina, seni khat dan seni muzik.

Seni bina Islam yang jelas dapat dilihat pada mimbar dan menara masjid seperti Masjid Putra, Putrajaya. Selain Masjid Putra, seni bina Islam juga dapat dilihat pada Istana Terengganu dan Bangunan Dewan Undangan Negeri di Kuching, Sarawak.

Seni kaligrafi Islam atau lebih sinonim dengan nama seni khat merupakan khazanah tertua di dunia yang masih dimiliki oleh umat Islam. Seni khat digunakan pada reka bentuk grafik seperti logo, corak dan ukiran pada barang perhiasan, senjata dan kad ucapan. Kesenian Islam seterusnya ialah seni muzik Islam. Antara alat muzik yang digunakan dalam seni Islam ialah geduk, rebana, kompang dan gambus.

BAHASA MELAYU SEBAGAI LINGUA FRANCA

Lingua franca bermaksud bahasa perantaraan dan perhubungan antara masyarakat yang berlainan bahasa.

Bahasa Melayu berperanan sebagai bahasa perdagangan, perhubungan, pentadbiran, perundangan, bahasa ilmu dan bahasa persuratan. Bahasa Melayu digunakan dalam bidang-bidang tersebut dan merupakan warisan kebanggaan negara.

PERANAN BAHASA MELAYU

- * **Bahasa Perdagangan**
Memudahkan pedagang dalam urusan jual beli

- * **Bahasa Perhubungan**
Digunakan dalam perhubungan antara kerajaan Melayu dengan kerajaan luar.
- * **Bahasa Pentadbiran**
Digunakan dalam sistem pentadbiran dan pemerintahan pada zaman Kesultanan Melayu Melaka
- * **Bahasa Perundangan**
Digunakan dalam *Hukum Kanun Melaka* dalam sistem pentadbiran dan pemerintahan pada zaman Kesultanan Melayu Melaka.
- * **Bahasa Ilmu**
Penyampaian ilmu menggunakan bahasa Melayu.
- * **Bahasa Persuratan**
Karya-karya dihasilkan dalam bahasa Melayu seperti *Tuhfat Al-Nafis* tentang Kesultanan Johor Riau.

Latihan 1

Jawab soalan berikut.

- 1 Apakah kedudukan agama Islam dalam Perlembagaan Malaysia?
A Agama Perpaduan
B Agama Persekutuan
C Agama Pertama
D Agama Utama
- 2 Selain dari Batu Bersurat di Tersat, Terengganu, apakah bukti lain kedatangan Islam ke Tanah Melayu?
A Masjid Negara
B Masjid Putrajaya
C Hukum Karma
D Hukum Kanun Melaka
- 3 Berikut ialah negara yang dikaitkan dengan kedatangan Islam ke Tanah Melayu **kecuali**
A Tanah Arab
B Brunei
C India
D China
- 4 Penyebaran agama Islam di Tanah Melayu telah dibawa oleh _____ yang datang dari Arab dan Parsi.
A pengembara
B pedagang
C pejuang
D raja
- 5 Antara yang berikut, manakah alat muzik daripada seni muzik Islam?
A Gitar
B Piano
C Kompang
D Rekoder
- 6 Mengapakah kita mesti menghormati amalan dan kepercayaan agama lain?
A Kita akan hidup harmoni
B Toleransi tidak wujud dalam masyarakat
C Sikap tidak menghormati antara satu sama lain
D Tidak menghargai amalan dan budaya keagamaan lain

- 7 Bahasa Melayu merupakan _____ negara kita
A Bahasa kebangsaan
B Bahasa kebanggaan
C Bahasa ibunda
D Bahasa baku
- 8 Penuhuan Dewan Bahasa dan Pustaka penting untuk _____ bahasa Melayu.
A mengehendkan
B memartabatkan
C membiasakan
D meluaskan

- 9 Antara yang berikut, manakah yang bukan peranan bahasa Melayu sebagai lingua franca?
A Bahasa perdagangan
B Bahasa perundangan
C Bahasa pentadbiran
D Bahasa penjajahan
- 10 Bahasa Melayu merupakan bahasa perundangan pada zaman Kesultanan Melayu Melaka. Kewujudan _____ membuktikan hal ini.
A Dewan Bahasa dan Pustaka
B Hukum Kanun Melaka
C Istana Kehakiman
D Kerajaan Melayu

Latihan 2

Teliti gambar dibawah dan jawab soalan yang diberikan.



- 1 Apakah maksud lingua franca berdasarkan pemahaman anda?

- 2 Pada zaman Kesultanan Melayu Melaka, bahasa apakah yang digunakan sebagai lingua franca?

- 3 Apakah peranan lingua franca?

- 4 Mengapakah lingua franca penting pada zaman Kesultanan Melayu Melaka?

- 5 Bagaimanakah bahasa asing membantu memperkasakan dan memperkaya bahasa Melayu?

Latihan 3

Senaraikan **enam** peranan bahasa Melayu sebagai lingua franca semasa zaman Kesultanan Melayu Melaka.

- i. _____
- ii. _____
- iii. _____
- iv. _____
- v. _____
- vi. _____

Latihan 4


Terdapat 37 buah negara yang mempunyai taburan penutur bahasa Melayu. Selain Malaysia, berikan **lima** negara penutur utama bahasa Melayu di dunia.

- i. _____
- ii. _____
- iii. _____
- iv. _____
- v. _____

SAINS HAYAT

Sains (Kertas 2)

1 Rajah 1 menunjukkan empat cara pencaran biji benih tumbuhan.
Diagram 1 shows four ways plants seed are dispersed.



Rajah 1 / Diagram 1

(a) Berdasarkan Rajah 1, isi P atau Q pada petak berikut bagi dialog yang betul.
Fill the following boxes with P or Q for the correct dialogues in Diagram 1.

Saya dipencarkan oleh udara. I am dispersed by air.
Saya dipencarkan oleh mekanisme letupan. I am dispersed by explosive mechanisme.
Saya dipencarkan oleh air. I am dispersed by water.

[2 markah / marks]


(b) Berikan **satu** contoh tumbuhan Q.
Give **one** example plant for Q.

[1 markah / mark]

(c) Mengapakah biji benih perlu dipencarkan?
Why do the seeds need to be dispersed?

[1 markah / mark]

2 Rajah 2 menunjukkan satu siratan makan di sebuah habitat.
Diagram 2 shows one food web in a habitat.



Rajah 2 / Diagram 2

(a) Bina **satu** rantai makanan berdasarkan Rajah 2.
Build **one** food correct chain based on the Diagram 2.

[1 markah / mark]

(b) Nyatakan peranan "pengeluar" dalam siratan makanan tersebut.
State the role of "producer" in the food chain.

[1 markah / mark]

(c) Apakah yang akan berlaku sekiranya populasi tikus bertambah di habitat tersebut?
State what will happen if the rat population increases in the habitat?

[1 markah / mark]

(d) Jika beberapa ekor ular berhijrah ke habitat tersebut, apakah yang akan berlaku kepada populasi haiwan yang berikut?
If a few snake migrated into the habitat, what will happen to the population of the following animals?

i. Katak / Frog

ii. Belalang / Grasshopper

[2 markah / marks]

3 Rajah 3 menunjukkan satu pemerhatian tentang cara haiwan memastikan kemandirian spesiesnya.
Diagram 3 shows one observation for the ways animal to ensure the survival of species.

Jenis haiwan Type of animals	Cara melindungi telur The way to protect her eggs
Ayam Hen	
Penyu Turtle	

Rajah 3 / Diagram 3

(a) Nyatakan pemboleh ubah yang berikut.
State the variables.

i. Dimanipulasikan / The manipulated

ii. Dimalarkan / The constant

[2 markah / marks]

(b) i. Adakah penyu mengeram telurnya?
Do the turtles incubates their eggs?

Tanda (✓) pada jawapan yang betul.
Tick (✓) for the correct answer.

Ya
Yes

Tidak
No

[1 markah / mark]

ii. Berikan alasan kamu.
Give your reason.

[1 markah / mark]

(c) Beri **satu** contoh haiwan yang menyembunyikan telurnya di dalam jerumun di tepi sungai.
Give **one** example of an animal that hides their eggs in crevices in rivers?

[1 markah / mark]

Jawapan

DIDIK

bhdidik@bh.com.my

Bahasa Inggeris

1. D
2. C
3. C
4. A
5. B
6. A
7. D
8. A
9. C
10. B
11. B
12. C
13. B
14. B
15. B
16. B
17. C
18. C
19. A
20. A
21. C
22. A
23. B
24. C
25. C
26. B
27. C
28. C
29. B
30. A
31. C
32. B
33. B
34. B
35. C

Bahasa Melayu

1. B
2. D
3. C
4. B
5. A
6. A
7. D
8. D
9. A
10. B
11. B
12. B
13. A
14. B
15. D
16. D
17. B
18. C
19. D
20. D

Bahasa Melayu SJK

Latihan 1

1. merdu bagai buluh perindu
2. berat macam batu
3. berani macam harimau
4. kesat macam pasir
5. merah macam biji saga
6. malas seperti keldai
7. ikal seperti mayang
8. angkuh macam merak

9. laju seperti kuda
10. harum seperti bunga

Latihan 2

1. membayar
2. mencangkul
3. melangit
4. menunduk
5. menyimpan
6. mengupas
7. menyapa
8. melarang
9. meningkat
10. menunjuk

Latihan 3

1. bersahabat
2. berbuah
3. berpelajaran
4. belayar
5. berpadu
6. berbasikal
7. berserta
8. berkhemah
9. berusaha
10. belunjur

Latihan 4

1. ampaian
2. Hembusan
3. sampaikan
4. lawati
5. tepukan
6. alami
7. Cadangan
8. Hadapi
9. tuangkan
10. baiki

Latihan 5

1. menjuarai
2. melalui
3. pertandingan
4. mengairi
5. menyertai
6. menyanyikan
7. dianjurkan
8. Kemerdekaan
9. menaiki
10. kemudahan

Latihan 6

1. Pramugara
2. jurusolek
3. antidadah
4. olahragawan
5. sukarelawan
6. poliklinik
7. prasekolah
8. Peragawati
9. Mahaguru

Matematik

1. B
2. B
3. C
4. D
5. A
6. C
7. C
8. B
9. D

10. A
11. C
12. C
13. A

Sains

1. (a) P: Saya dipencarkan oleh air.
Q: Saya dipencarkan oleh mekanisme letupan.
(b) Pokok getah // pokok keembung // pokok bendi //
(c) Untuk memastikan anak pokok tumbuh jauh dari pokok induknya bagi mengurangkan persaingan dengan pokok induknya.
2. (a) Sawi → belalang → katak → helang //
Bunga → ulat → burung pipit → helang //
Sawi → tikus → helang //
(b) Pengeluar menghasilkan tenaga melalui proses fotosintesis yang menggunakan Matahari sebagai sumber tenaga dan memberikan tenaga kepada haiwan pemakan.
(c) Ulat dan belalang akan kekurangan makanan //
Bilangan helang akan bertambah //
(d) i. Bilangan katak akan berkurang
ii. Bilangan belalang bertambah
3. (a) i. Jenis haiwan
ii. Cara pembiakan haiwan
(b) i. Tidak
ii. Kerana penyu tidak berdarah panas //
Kerana penyu meninggalkan telurnya di dalam pasir //
(c) Buaya

Sejarah

Latihan 1

1. B
2. D
3. B
4. B
5. C
6. A
7. A
8. B
9. D
10. B

Latihan 2

1. Bahasa perantara yang digunakan secara sistematik sebagai bahasa perhubungan antara orang-orang yang tidak sama bahasa.
2. Bahasa Melayu
3. Bahasa perantaraan antara orang-orang yang tidak sama bahasa.
4. Sebagai bahasa perantaraan para pedagang yang berlainan bahasa.
5. Tulisan Jawi dan pengaruh Eropah

Latihan 3

- i. Bahasa Perdagangan
- ii. Bahasa Perhubungan
- iii. Bahasa Pentadbiran
- iv. Bahasa Perundangan
- v. Bahasa Ilmu
- vi. Bahasa Persuratan

Latihan 4

- i. Kemboja
- ii. Brunei
- iii. Singapura
- iv. Indonesia
- v. Filipina

Ngauman Lanjan Tigers

[FOTO AHMAD IRHAM MOHD NOOR/BH]



Pasukan Lanjan Tigers tak patah semangat walaupun pernah menjadi pasukan belasan.

➔ Dulu pasukan belasan, kini antara pesaing utama peringkat negeri

Oleh Nas Norziela Nasbah
nasnorziela@bh.com.my

Putrajaya

Pendekatan pentadbir Sekolah Kebangsaan (SK) Bukit Lanjan menentang bakat murid Orang Asli melalui sukan ragbi ternyata tidak sia-sia apabila ramai murid menampilkan potensi besar dalam sukan itu. Pasukan yang menggelarkan diri mereka sebagai Lanjan Tigers itu pada awalnya menjadi pasukan belasan, namun tidak memakan masa lama untuk menunjukkan 'taring' sebenar apabila muncul Johan Kategori Spoon Karnival Tunas Mini Olimpik (KATMO) 2015 bawah 10 tahun daerah Petaling Utama.

Jurulatih Kecerdasan Fizikal Lanjan Tigers, Encik Muhammad Fadhli Othman, berkata potensi besar dilihat ada pada murid suku Temuan yang rata-rata menunjukkan minat untuk berlatih seterusnya membawa kejayaan dalam kejohanan ragbi.

Berkat kesungguhan

"Pencapaian mereka dalam kejohanan adalah berkat kesungguhan pemain yang menjalani latihan mengikut jadual ditetapkan. Selain

itu, keadaan fizikal mereka yang kecil, mendorong pergerakan pantas dalam padang.

"Sungguhpun pernah menjadi pasukan belasan, pemain tidak patah semangat malah menunjukkan semangat juang tinggi setiap kali menyertai kejohanan ragbi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Majlis Ramah Mesra bersama-sama Menteri Pendidikan, Dr Maszlee Malik bersama-sama Pasukan Lanjan Tigers di Kompleks Kementerian Pendidikan Putrajaya, baru-baru ini.

Turut menemani pemain ragbi sekolah itu adalah Guru Besar SK Bukit Lanjan, Encik Harun Othman; Penolong Kanan Hal Ehwal Murid, Encik Suhaidi Sapuan; Penolong Kanan Kokurikulum, Encik Ridzuan Othman; Pengurus Pasukan, Encik Mohd Rosdi Tahir dan Ketua Jurulatih Lanjan Tigers, Encik Emir Baharudin.

Pasukan perempuan

Encik Muhammad Fadhli berkata, kejayaan terus dicapai oleh pasukan Lanjan Tigers apabila berjaya merangkul Johan Cup Wawasan Invitational 7S bawah 10, baru-baru ini, selain Johan Shield Kejohanan Sekolah-sekolah Selangor 2018 bawah 12.

"Kami berbangga dengan pemilihan seorang daripada



Dr Maszlee beramah mesra dengan Lanjan Tiger di Putrajaya, baru-baru ini.

pemain yang mewakili daerah Petaling Utama ke Kejohanan Ragbi Majlis Sukan Sekolah Selangor (MSSS) selepas daerah ini memenangi Johan Cup baru-baru ini," katanya.

Sementara itu, Encik Harun berkata, pihaknya merancang untuk menubuhkan pasukan ragbi perempuan sekolah selepas melihat potensi tidak hanya pada pasukan lelaki, tetapi juga golongan hawa.

Katanya, selain penubuhan pasukan perempuan, ahli jawatankuasa pasukan ragbi Lanjan Tigers ingin menganjurkan Klinik Ragbi untuk Sekolah Asli di Selangor dan juga Kejohanan Ragbi Lanjan Tigers 7s Cup peringkat kebangsaan.

"Seperti tahun sebelum ini, azam bagi Lanjan Tigers adalah terus mengekalkan takhta Johan Cup dalam beberapa pertandingan," katanya.



Pasukan Lanjan Tigers ketika menjalani latihan.

Sedia sarapan untuk calon UPSR

KSIB SKTM2 pastikan calon tidak berlapar menduduki peperiksaan umum

Oleh Nas Norziela Nasbah

nasnorziela@bh.com.my

Kuala Lumpur

Inisiatif kumpulan Sokongan Ibu Bapa (KSIB) Tahun Enam Sekolah Kebangsaan Taman Melawati 2 (SKTM2) menyediakan makanan untuk calon Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) bukan sahaja memudahkan urusan calon, malah meringankan tugas guru yang bersusah payah untuk anak-anak mereka.

Ketua Biro KSIB Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) SKTM2, Puan Azilah Aziz, berkata pihaknya bersyukur kerana Rancangan Penyediaan Makanan oleh pentadbir SKTM2 itu terlaksana dengan sokongan padu sekolah tanpa membabitkan dana persatuan, sebaliknya 100 peratus sumbangan daripada ibu bapa.

"Perancangan untuk penyediaan makanan tahun ini bermula pada bulan lalu dengan pemantauan Guru Penyelaras SKTM2, Puan Mazlida Manan dan



Puan Azilah Aziz (kanan) mengagihkan makanan kepada murid.

alhamdulillah, rezeki anak-anak SKTM2 apabila menerima tajaan daripada syarikat pengeluar roti dan minuman kotak sepanjang peperiksaan berlangsung.

Persediaan awal

"Seawal 7 pagi lagi, ahli KSIB Tahun Enam sudah pun berkumpul di kantin sekolah dan mengagihkan makanan bagi memastikan calon mengambil sarapan sebelum beratur masuk ke

dalam dewan peperiksaan," katanya.

Antara menu yang disediakan oleh pihak KSIB Tahun Enam SKTM2 ialah kuih tradisional Melayu seperti keria dan karipap, kuetiau goreng, makaroni goreng serta air mineral yang disediakan setiap hari.

Selain melancarkan perjalanan pembahagian makanan kepada calon, KSIB Tahun Enam SKTM2 turut tidak ketinggalan menyer-



Ibu bapa yang hadir membantu Program Penyediaan Makanan untuk calon UPSR di SKTM2.

taikan program anjuran pihak sekolah seperti solat taubat, solat hajat dan bacaan Yasin yang diketuai oleh guru Pendidikan Islam sekolah itu, Ustaz Hanif Hashim.

Puan Azilah berkata, pihaknya merakamkan penghargaan kepada barisan pentadbir sekolah yang sentiasa menyokong program dan hasrat KSIB Tahun Enam sekolah itu bagi memastikan perjalanan calon UPSR sekolah itu berjalan lancar.



Makanan yang disediakan pada program terbabit.

Sebar kesedaran persekitaran hijau kepada murid

Subang Jaya: Dalam usaha memperkenalkan khasiat tanaman herba kepada generasi muda, Kumpulan Syarikat Tata menyumbangkan sebanyak 300 batang pokok terdiri daripada tanaman herba di Sekolah Kebangsaan (SK) Sri Subang Jaya, baru-baru ini.

Ketua Serantau Asia Tenggara Kumpulan Tata, Encik Kumar Natarajan, berkata sumbangan itu adalah tanggungjawab sosial korporat (CSR) syarikat yang berpangkalan di India berkenaan bagi memberi kesedaran, terutama kepada generasi muda mengenai betapa pentingnya alam sekitar dalam kehidupan manusia masa kini.

"Inisiatif menanam pokok boleh mengurangkan kesan pemanasan

global yang berfungsi sebagai pelaburan tenaga bagi mewujudkan persekitaran hijau yang boleh dianggap sebagai satu langkah bijak.

Pulih udara

"Kami di Kumpulan Tata yakin dengan cara ini secara tidak langsung dapat membantu memulihkan kualiti udara semula jadi dengan sumbangan 300 tanaman herba untuk sekolah ini," katanya ketika berucap pada Majlis Program Jaringan bersama-sama Kumpulan Syarikat Tata.

Yang turut hadir, Guru Besar SK Sri Subang Jaya, Encik Mohd Rizal Rais dan Yang Dipertua Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), Encik Azinor Abdul Aziz.

Seramai 300 murid ditemani 30 kakitangan syarikat itu menanam anak

pokok di sekitar sekolah itu seterusnya mewujudkan taman herba.

Sementara itu, Encik Mohd Rizal berkata, pihaknya berbesar hati menerima tajaan pokok daripada sebuah syarikat gergasi global yang bertujuan mendidik generasi muda mengenai kepentingan tanaman hijau memandangkan bumi semakin tercemar.

"Tajaan ini juga membantu sekolah memperkenalkan taman herba kepada murid bandar yang sebelum ini tidak pernah merasai atau mengetahui suasana taman itu.

"Selain itu, pokok ditanam juga membantu guru melaksanakan pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) luar bilik darjah yang sudah pastinya menarik minat murid," katanya.



Program jaringan kemasyarakatan menanam pokok antara Syarikat TATA dengan pelajar SK Sri Subang Jaya.